

## CHAIRMAN'S STATEMENT

### Performance

The Group's revenue for the year ended 31 December 2010 grew by 26% to RM589.2 million. Net profit from underlying operations rose by 13% to RM26.8 million and earnings per share from underlying operations also grew by 13% to 26.58 sen.

Net profit attributable to shareholders at RM26.8 million was down from 2009 as the previous year's results benefited from a refund of RM4.5 million of duties previously written off.

The Board is recommending a final dividend of 5 sen per share less tax, which, together with the interim dividend, will give a total dividend of 10 sen per share for the year.

### Business Activities

The favourable economic environment, strong consumer demand and availability of affordable financing produced excellent trading conditions for the Group in 2010. Sales of Mercedes-Benz passenger cars grew by 25%. In particular, demand for the new E-Class launched in late 2009 continued to be strong. The results from the after-sales operations were satisfactory.

In November 2010, the Company announced that it had entered into a conditional agreement to acquire 100% of Lowe Motors Sdn. Bhd., the authorised dealer of Mercedes-Benz in the state of Penang.

### People

I would like to thank all our staff for their dedication and hard work in helping us achieve this set of results. I also wish to thank our customers, shareholders and business partners for their continued support.

### Prospects

Although 2010 produced satisfactory result, 2011 is expected to be a challenging year.

Ben Keswick  
Chairman  
24 February 2011

## PENYATA PENERUSI

### Prestasi

Pendapatan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 meningkat sebanyak 26% kepada RM589.2 juta. Keuntungan bersih daripada operasi asas bertambah 13% kepada RM26.8 juta dan pendapatan sesaham daripada operasi asas turut meningkat sebanyak 13% kepada 26.58 sen.

Walau bagaimanapun, keuntungan bersih milik pemegang saham sebanyak RM26.8 juta telah mengalami penurunan berbanding tahun 2009 kerana keuntungan tahun lepas mengambil kira pembayaran balik duti sebanyak RM4.5 juta yang dahulunya telah dihapuskan.

Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen akhir sebanyak 5 sen sesaham tolak cukai. Berserta dengan dividen interim, jumlah dividen disyorkan bagi tahun ini adalah sebanyak 10 sen sesaham.

### Aktiviti Perniagaan

Persekitaran ekonomi yang memberangsangkan, permintaan pengguna yang kukuh dan kemudahan pembiayaan yang berpatutan telah menyediakan persekitaran perniagaan yang sungguh baik bagi Kumpulan pada tahun 2010. Jualan kereta penumpang Mercedes-Benz meningkat sebanyak 25%. Permintaan, khususnya bagi E-Class baru yang dilancarkan pada penghujung tahun 2009 terus kukuh. Operasi selepas jualan juga mencatat keputusan yang memuaskan.

Pada November 2010, Syarikat mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu perjanjian bersyarat untuk mengambil alih 100% kepentingan dalam Lowe Motors Sdn. Bhd. yang merupakan wakil jualan sah bagi Mercedes-Benz di Pulau Pinang.

### Kakitangan

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan atas dedikasi dan kerja keras mereka dalam membantu Kumpulan mencapai prestasi kewangan yang memberangsangkan pada tahun ini. Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan tulus ikhlas kepada para pelanggan, pemegang saham dan rakan kongsi perniagaan atas sokongan mereka yang berterusan.

### Prospek

Tahun 2011 dijangka lebih mencabar walaupun tahun 2010 mencatatkan prestasi yang memuaskan.

Ben Keswick  
Pengerusi  
24 Februari 2011